

Utusan Malaysia 30 May 2011

OFFICIAL OPENING CEREMONY

by

DATUK SERI DR. MAXIMUS JOHNNY O
er of Science, Technology & Innovation,

20 May 2011



DR. KAMARUDIN Hussin (kiri) bertukar dokumen dengan Dr. Augustine Ong pada majlis MoU di Kuala Lumpur, baru-baru ini sambil diperhatikan Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Fadillah Yusoff (belakang kanan).

UniMap - MINDS menterai MoU tingkat penyelidikan

UNIVERSITI Malaysia Perlis (UniMap) dan Persatuan Reka Bentuk dan Reka Cipta Antarabangsa Malaysia (MINDS) baru-baru ini menandatangani memorandum persefahaman (MoU) bagi membolehkan universiti itu menjadi *chapter* kepada MINDS di negeri Perlis.

Kerjasama tersebut membolehkan UniMap menerusi Kelab Penyelidik Muda ENVEX (EYReC) terlibat secara aktif dalam bidang penyelidikan termasuklah perkongsian maklumat dalam bentuk bahan penyelidikan.

UniMap juga akan terlibat dalam penganjuran pertandingan ke peringkat yang lebih tinggi di samping menanam dan menerapkan budaya penyelidikan kepada penyelidik muda yang mempunyai potensi yang tinggi.

Selain itu, MoU tersebut kepada mengenalpasti peluang kerjasama akademik dan penyelidikan ke arah melahirkan staf yang mempunyai daya pemikiran kreatif dan berinovasi tinggi melalui penganjuran lawatan bagi staf akademik dan bukan akademik.

Malah, pelbagai seminar serta bengkel juga turut dirancang bagi melahirkan golongan penyelidik yang mempunyai daya saing yang tinggi serta mampu menghasilkan produk-produk yang memberi impak berguna kepada masyarakat.

Presiden MINDS, **Tan Sri Dr. Augustine Ong** berkata, pihaknya melantik EYReC UniMAP menjadi *chapter* kepada MINDS di negeri Perlis dengan harapan ia mampu

merealisasikan hasrat persatuan tersebut dan juga UniMap untuk mempromosi bidang penyelidikan.

“Secara keseluruhannya, melalui EYReC UniMap, kita mahu menanam minat kepada para penyelidik muda negara untuk mencipta pelbagai produk yang memberi impak positif kepada negara,” ujarnya.

Beliau menyatakan demikian pada majlis MoU tersebut sempena Perasmian Pameran Reka Cipta, Inovasi dan Teknologi Antarabangsa (ITEX) ke-22 di ibu negara baru-baru ini.

Pada majlis menandatangani MoU tersebut, UniMap diwakili Naib Canselornya, Brig. Jeneral Prof. Datuk Dr. Kamarudin Hussin manakala Ong mewakili MINDS.

Sementara itu, **Dr. Kamarudin** berkata, beliau melahirkan rasa syukur dan berharap kerjasama antara UniMap dan MINDS akan membuka lembaran baru dalam bidang penyelidikan Malaysia untuk lebih dikenali ke peringkat antarabangsa.

EYReC adalah kelab yang ditubuhkan oleh UniMap secara rasminya pada tahun ini dan berfungsi khusus bagi membantu pelajar-pelajar institusi pengajian tinggi dan sekolah dalam menghasilkan penyelidikan yang lebih bermutu.

Selain itu, EYReC juga berfungsi untuk mencungkil bakat-bakat para penyelidik muda negara untuk lebih berinovasi bagi menghasilkan produk penyelidikan yang memberi kesan positif kepada masyarakat.